

28 MAY 2002

Mahathir-Bakti (Bergambar)

BANGUNAN SENDIRI MUDAHKAN AKTIVITI BAKTI, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dapat menjalankan aktiviti dengan lebih berkesan apabila memiliki bangunan sendiri yang dijangka siap setahun lagi.

Perdana Menteri yang juga Penaung Bakti berkata, memang menjadi masalah sekiranya Bakti sebagai sebuah organisasi kebajikan yang unik tidak mempunyai bangunan sendiri untuk menjalankan aktiviti.

"Memiliki bangunan sendiri akan memudahkan pelaksanaan kerja-kerja amal Bakti yang sudah berusia 25 tahun," katanya dalam ucapan di majlis pecah tanah Pusat Komuniti Bakti Bukit Kiara, di sini.

Pusat komuniti yang terletak di kawasan seluas 0.8 hektar itu akan menempatkan sebuah blok bangunan empat tingkat dan dua blok bangunan dua tingkat. Ia dijangka siap dalam tempoh 12 bulan dari sekarang.

Ia akan dilengkapi dengan kemudahan seperti khidmat kaunseling, khidmat latihan dan kemahiran bagi orang cacat, khidmat tenaga sukarelawan remaja dan warga emas, perpustakaan, pusat dialisis dan lain-lain.

Bakti yang menyambut Jubli Perak bulan ini akan berpejabat di situ dan tidak lagi di kediaman anggota-anggotanya.

Dr Mahathir memuji Bakti yang selama ini banyak menjalankan kerja amal bagi membantu rakyat khususnya golongan yang tidak bernasib baik dan cacat.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri merangkap Yang Dipertua Bakti Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata setelah wujud selama 25 tahun, barulah impian Bakti memiliki bangunan sendiri bagi menempatkan pelbagai khidmat kebajikan masyarakat tercapai.

Kerajaan sejak 1993 menawarkan kepada Bakti dan badan-badan bukan kerajaan lain sekeping tanah seluas 0.8 hektar di Bukit Kiara dengan syarat bangunan yang didirikan di atas tapak itu digunakan sebagai bangunan pejabat dan aktiviti berkaitan dengan pertubuhan dan kebajikan sahaja.

Katanya: "Bakti telah menerima tawaran ini dan menubuhkan Jawatankuasa Khas Bangunan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Bakti sendiri. Jawatankuasa ini telah mengkaji dan menyelaras ciri-ciri pembangunan dengan tujuan memajukan aktiviti-aktiviti Bakti di situ."

-- BERNAMA

HM MAM PR